

UTUKAN
9/5/15

Lebih agresif lahirkan agropreneur muda – Ismail Sabri

BERA 8 Mei - Pencapaian Program Agropreneur Muda yang dilaksanakan tahun lalu dilihat agak mengecewakan apabila hanya dapat melahirkan 354 usahawan berbanding sasaran sebanyak 1,000 usahawan muda setahun.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, sehubungan itu, semua agensi terlibat dalam pelaksanaan program berkenaan perlu melakukan gerak kerja yang lebih agresif bagi mencapai sasarannya pada tahun ini.

“Saya rasa kita boleh mencapai sasaran ini tetapi kalau kita menunggu orang datang mendaftar, kita tidak akan berjaya. Kita mesti lebih agresif, sekarang bukan minta orang cari kita tetapi kita cari orang.

“Sebab itu, semua peringkat dan daerah perlu menganjurkan program termasuk seminar usahawan agropreneur muda,” katanya dalam sidang akhbar selepas majlis perasmian Program Agropreneur Muda di Dewan Majlis Daerah Bera di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kemayan, Datuk Fadil Osman.

Menurut Ismail Sabri, walaupun setakat hari ini peserta yang mendaftar ialah 3,963 orang tetapi yang mendapat pinjaman tidak

sampai 10 peratus. Beliau memberitahu, pada tahun lalu, sebanyak RM20.35 juta pinjaman diluluskan oleh agensi kewangan bagi memberi bantuan modal kepada 354 agropreneur muda.



ISMAIL SABRI

Dalam pada itu, beliau berkata, sebanyak RM10 juta dipe-runtukkan bagi melaksanakan program Agropreneur Muda bertujuan melahirkan lebih ramai usahawan muda pada tahun ini.

“Bagi membantu melahirkan agropreneur muda, kement-

rian bukan sahaja memberi bantuan khidmat nasihat tetapi turut memberi geran bantuan sebanyak 30 peratus berupa barang dan peralatan bagi memulakan aktiviti keusahawanan,” ujar beliau.

Sementara itu, beliau berharap program turun padang Agropreneur Muda akan melibatkan semua agensi terbabit termasuk pihak kewangan dan dapat dilaksanakan secara berterusan di semua peringkat.

“Banyak kes saya lihat bukan disebabkan agensi terbabit tidak mahu memberi pinjaman tetapi tidak cukup maklumat dan lain-lain.

“Masalahnya di peringkat bank dan agensi kewangan ini mereka lambat memaklumkan kepada peminjam. Saya tidak mahu kelewatan ini akan membunuh semangat usahawan muda,” katanya.